



AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 8 Tahun 2013

PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN AMANAH TUGASAN PENSYARAH (ATP) DAN KELAYAKAN BAYARAN SYARAHAN SAMBILAN LEBIH MASA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penambahbaikan pelaksanaan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) dan kelayakan bayaran syarahan sambilan lebih masa. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan *Pekeliling Akademik Bil. 20/2011* mengenai Garis Panduan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) sebagai rujukan dan perbandingan.

LATAR BELAKANG

2. Penambahbaikan Pengiraan dan Penetapan Amanah Tugas Pensyarah (ATP)

Pelaksanaan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) berdasarkan *Pekeliling Akademik Bil. 20/2011* telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2012. Falsafah dan pelaksanaan ATP telah diterima baik oleh semua pihak, selaras dengan tuntutan tiga tugas hakiki utama pensyarah iaitu Pengajaran & Pembelajaran, Penyelidikan & Kesarjanaan dan Perkhidmatan, yang perlu dipenuhi dan seimbang. Walau bagaimanapun berdasarkan analisis dan maklumbalas dari fakulti/kampus/pusat pengajian/institut, beberapa perkara perlu dikaji semula untuk penambahbaikan pengiraan dan pelaksanaan ATP. Cadangan penambahbaikan pengiraan dan pelaksanaan ATP tersebut telah dimajukan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) ke-21/2012 pada 26 September 2012. Jawatankuasa Eksekutif (JKE) telah bersetuju untuk meluluskan cadangan dengan syor-syor yang dikemukakan dan mengarahkan agar proses penambahbaikan ATP sentiasa dilakukan berdasarkan keperluan semasa di masa akan datang.

3. Kelayakan Dan Kadar Untuk Bayaran Syarahan Sambilan Lebih Masa

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) kali ke-132 pada 7 Februari 2013 telah mengambil keputusan menetapkan kelayakan dan kadar untuk bayaran syarahan sambilan lebih masa selaras dengan Amanah Tugas Pensyarah (ATP).

TUJUAN PELAKSANAAN

4. Tujuan kajian semula dan pelaksanaan penambahbaikan pengiraan ATP ialah agar ia lebih mudah difahami dan pelaksanaannya lebih harmoni dan saksama di seluruh sistem UiTM. Berikut ialah perincian penambahbaikan tersebut:

4.1 Pengiraan dan penetapan ATP untuk digunakan di seluruh sistem Universiti

Perubahan-perubahan adalah diperincikan di dalam Lampiran 1, seperti berikut:

- a) Komponen Persediaan Syarahan (PS) dalam Amanah Tugas Syarahan (ATS) adalah diselaraskan untuk semua jenis Konteks Syarahan (KS). Sila lihat Perkara 1 dalam Lampiran 1.
- b) Amanah Tugas Syarahan (ATS) dan Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) bagi Pentadbir Akademik adalah ditetapkan mengikut jawatan, bukan hanya mengikut gred perkhidmatan. Sila lihat Perkara 2 dalam Lampiran 1.
- c) Pengiraan dan pembahagian komponen KJS diselaraskan mengikut aktiviti-aktiviti utama yang generik. Sila lihat Perkara 3 dalam Lampiran 1.
- d) Had maksimum ATP yang munasabah diselaraskan dan ditetapkan kepada 50 jam seminggu. Oleh itu, had maksimum setiap komponen di dalam ATP juga di selaraskan. Sila lihat Perkara 4 dalam Lampiran 1.

4.2 Kelayakan Dan Kadar Untuk Bayaran Syarahan Sambilan Lebih Masa

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) kali ke-132 pada 7 Februari 2013 telah menetapkan kelayakan dan kadar untuk bayaran syarahan sambilan lebih masa selaras dengan Amanah Tugas Pensyarah (ATP). Dengan keputusan tersebut, Perkara 4.4 dalam *Pekeliling Akademik Bil. 20/2011* mengenai pembayaran syarahan sambilan lebih masa berdasarkan Konteks Syarahan (KS) dalam ATP pensyarah mengikut gred jawatan adalah tidak akan diguna pakai selepas tamatnya Sesi Pengajian 2 - 2012/2013.

Syarat kelayakan syarahan sambilan untuk tujuan pembayaran pengajaran lebih masa ialah seperti berikut:

- a) $ATP = ATS + KJS$ mencapai 39.
- b) KS (Kontek Syarahan) mencapai 18 jam seminggu. Tuntutan pembayaran boleh dibuat bermula dengan KS yang ke-19, tertakluk kepada syarat (a) di atas.
- c) Bayaran tertakluk kepada lebihan bilangan jam KS atau ATP yang mana terendah.
- d) Pengiraan syarahan lebih masa ini hanya mengambil kira pengajaran program perdana sepenuh masa sahaja, tidak termasuk e-PJJ, PJJ atau PLK.

- e) Tuntutan bayaran pengajaran lebih masa hanya boleh diluluskan untuk pensyarah yang berada dalam kategori 'Pengajaran dan Pembelajaran' pada semester tersebut. Semakan dilakukan di peringkat fakulti/pusat pengajian/UiTM Negeri/Cawangan.
- f) Semua pensyarah dalam bidang yang sama mesti sudah mencapai jumlah ATP ≥ 39 agar tidak berlaku keadaan di mana pensyarah kurang ATP memberi peluang kepada pensyarah lain menuntut bayaran syarahan lebih masa. Semakan dilakukan di peringkat fakulti/ pusat pengajian/ UiTM Negeri/ Cawangan.
- g) Kadar bayaran yang diluluskan ialah seperti berikut:
 - i) Syarahan/Kuliah: RM100.00/jam.
 - ii) Makmal/tutorial/studio/medan: RM50.00/jam.
- h) Jumlah bayaran tidak boleh melebihi RM1800/bulan iaitu purata 4.5 jam/ minggu, seperti amalan sedia ada.

Contoh pengiraan bilangan jam syarahan sambilan yang boleh dituntut untuk pembayaran lebih masa adalah diberikan di Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Contoh Pengiraan Syarahan Sambilan

CONTOH	KS	ATP	TUNTUTAN SYARAHAN SAMBILAN
Senario 1	18	43	Tidak Layak
Senario 2	20	41	Layak 2 Jam
Senario 3	24	39	Tidak Layak
Senario 4	22	47	Layak 4 Jam
Senario 5	24	44	Layak 4.5 Jam

Pengiraan syarahan sambilan ini berkuat kuasa mulai Sesi Pengajian I - 2013/14, iaitu bermula Mei 2013 bagi program Diploma, Pra-Diploma dan Asasi; dan September 2013 bagi program Sarjana Muda dan Pasca Siswazah.

4.3 Surat Pelantikan Tugas/ Aktiviti/ Jawatankuasa

Semua tugas dan aktiviti rasmi hendaklah didahului dengan surat lantikan rasmi dari ketua PTJ, beserta dengan terma lantikan dan skop tugas. Surat lantikan juga hendaklah memberi cadangan KS pensyarah, berdasarkan garis panduan yang diberikan. Semua surat pelantikan untuk aktiviti di bawah KJS mestilah menyatakan kesetaraan jam yang diperuntukkan bagi jawatan/ tugas yang berkenaan, berdasarkan garis panduan yang diberikan.

4.4 Nomenklatur Trek Kepimpinan Akademik diselaraskan

Penggunaan khusus beberapa katagori jawatan hanya boleh digunakan bagi Trek Kepimpinan Akademik sahaja berdasarkan terma tugas yang diberikan. Contoh: Nomenklatur Koordinator hanya boleh diguna oleh pentadbir akademik dalam Trek Kepimpinan Akademik sahaja. Jika perlantikan dibuat bukan dalam Trek Kepimpinan Akademik, maka nomenklatur lain seperti Penyelaras, Pengerusi dsb. hendaklah digunakan.

4.5 Penambahbaikan Kalkulator ATP

Kalkulator ATP Versi 2.0 (2013) telah mengambil kira perubahan-perubahan berdasarkan cadangan penambahbaikan dan boleh digunakan untuk pengiraan ATP bermula pada Sesi Pengajian I - 2013/2014, sehinggalah sistem e-ATP boleh digunakan nanti. Semua jam KJS diperuntukkan secara automatik berdasarkan aktiviti-aktiviti generik dan tidak perlu dimasukkan oleh pensyarah sendiri.

Jumlah jam maksimum yang telah ditetapkan bagi setiap kategori di bawah KJS diambil kira dalam Kalkulator ATP agar jumlah jam ATP boleh mencapai jumlah yang munasabah yang ditetapkan.

4.6 Tugas berbayar tidak dikira dalam ATP

Tugas-tugas lain pensyarah yang berbayar contohnya sebagai penceramah jemputan untuk program-program ILQAM, sama ada di dalam atau di luar UiTM tidak dimasukkan dalam pengiraan ATP.

4.7 Markah Penilaian Prestasi Tahunan

Perkara 6 *Pekeliling Akademik Bil. 20/2011* masih diguna pakai dengan penambahan berikut:

“Jika ATP = ATS + KJS = 39 jam seminggu dicapai, pensyarah boleh diberi sekurang-kurangnya 85% markah dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan. Walau bagaimanapun, jika kualiti pengajaran dan perkhidmatan tidak memuaskan, markah prestasi lebih rendah boleh diberikan kerana jumlah jam ATP hanya merupakan jumlah jam bekerja secara kuantitatif, bukan kualitatif.”

5. Dengan kajian semula ini, adalah diharapkan bahawa pengiraan ATP akan lebih mudah difahami dan pelaksanaannya lebih harmoni dan saksama. Cadangan kelayakan syarahan sambilan/lebih masa yang paling optimum untuk memenuhi keperluan semasa dan pada masa yang sama dapat menjamin kualiti pengajaran dan pengajaran yang terbaik juga telah diputuskan.

6. Sila panjangkan maklumat ini kepada semua pihak yang bekepentingan di Fakulti/ UiTM Negeri / UiTM Cawangan / Pusat Akademik/ PTJ masing-masing.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling ini dikeluarkan pada 29 April 2013.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling ini berkuatkuasa bermula Sesi Pengajian I - 2013/14 (Mei 2013 bagi program-program diploma, pra-diploma dan Asasi, dan September 2013 bagi program ijazah sarjana muda dan pasca siswazah).



PROF DR AZNI ZAINI AHMED
Timbalan Naib Nanselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan kepada:

1. *Timbalan-timbalan Naib Canselor*
2. *Bendahari*
3. *Penolong-penolong Naib Canselor*
4. *Semua Dekan Fakulti*
5. *Semua Rektor Universiti Negeri/Kampus Cawangan*
6. *Semua Pengarah Pusat Pengajian/ Pusat Kecemerlangan (ASASI, CITU, AAGBS, MITRANS, iLearn, iNeD, ARI dsb)*
7. *Semua Pengarah/ Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit (ILQAM, INQKA, IPSIS, InfoTech)*

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)

LAMPIRAN 1

CADANGAN-CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PENGIRAAN DAN PELAKSANAAN AMANAH TUGASAN PENSYARAH (ATP)

1. Penyelarasan Komponen Persediaan Syarahan (PS) dalam Amanah Tugas Syarahan (ATS)

Merujuk Perkara 5, *Pekeliling Akademik Bil. 20/2011*, beberapa perkara berkaitan dengan ATS seperti di bawah telah dikaji semula:

- Tumpuan masa untuk Amanah Tugas Syarahan (ATS) adalah berasaskan jam kesetaraan iaitu 1.0 jam temu (Kontek Syarahan, KS) bersamaan dengan sekurang-kurangnya 1.5 jam kesetaraan, untuk semua peringkat pengajian, dengan memberikan Persediaan Syarahan (PS) sebanyak 0.5 jam untuk setiap KS.
- Pengiraan PS juga mengambil kira bilangan pelajar dan kepelbagaian kod kursus. Walau bagaimanapun untuk aktiviti studio/ lapangan/ dapur/ makmal, PS sebanyak 0.25 jam diberikan untuk setiap jam temu. Untuk satu hari aktiviti-aktiviti klinikal (pergigian, perubatan, sains kesihatan dsb) diberikan ATS sebanyak 2.0 jam KS dan 1.5 jam PS.
- Tiada penambahan PS khusus untuk aktiviti akademik di luar waktu perdana (malam atau hujung minggu).

Penyelarasan pengiraan PS adalah seperti berikut:

1.1 Penambahbaikan pengiraan komponen PS

- 1.1.1 Persediaan Syarahan (PS) untuk setiap jam temu ialah minimum 0.5 jam untuk setiap 1.0 jam KS bagi semua aktiviti akademik (syarahan, makmal, studio, lapangan, dapur dsb.) tanpa mengira peringkat pengajian. Pengiraan PS juga masih mengambil kira bilangan pelajar dan kepelbagaian kod kursus seperti di dalam Perkara 5, *Pekeliling Akademik Bil. 20/2011*.
- 1.1.2 Pengiraan ATS untuk aktiviti berbentuk klinikal adalah berdasarkan masa sebenar setiap aktiviti, seperti yang dicadangkan oleh fakulti yang terlibat (Pergigian, Perubatan, Farmasi dan Sains Kesihatan).
- 1.1.3 Pengiraan PS untuk aktiviti akademik di luar waktu perdana ialah minimum 1.0 jam untuk setiap jam KS untuk aktiviti di waktu malam dan 1.5 jam untuk waktu di hujung minggu.

2. Penyelarasan Penetapan Kontek Syarahan (KS) dan Kesetaraan Jam Syarahan (KJS Di Bawah Kategori K3) Bagi Trek Pentadbir Akademik

Merujuk Perkara 4.2 dan 4.3 *Pekeliling Akademik Bil. 20/2011*, ATP diklasifikasikan berdasarkan gred jawatan pensyarah dan ia dipecahkan berdasarkan trek penekanan tugas pensyarah: Pengajaran & Pembelajaran, Penyelidikan dan Kepimpinan Akademik dan cadangan agihan komponen ATP diberikan seperti di dalam Jadual 2 dan Jadual 3. Fleksibiliti telah diberikan kepada PTJ untuk menentukan pembahagian ATP mengikut kesesuaian dan keperluan semasa di Fakulti/ Kampus/ Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Akademi/ Institut berdasarkan Garis Panduan tersebut.

2.1 Penyelarasan pengiraan KS untuk Trek Pentadbir Akademik

Penyelarasan Pengiraan Kontek Syarahan (KS) dan Kesetaraan Jam Syarahan (KJS di bawah kategori K3) bagi Pentadbir Akademik adalah mengikut jawatan, dan bukan mengikut gred perkhidmatan. Penyelarasan pengiraan KS untuk Trek Pentadbir Akademik adalah seperti di **Jadual L1**.

Jadual L1. Kontek Syarahan (KS) dan Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) di bawah kategori K3* Untuk Pentadbiran - Trek Kepimpinan Akademik.

Lantikan Jawatan	Pek. Akademik Bil. 20/2011	Penyelarasan					ATP (tanpa K1 & K2, dan K3 Jawatankuasa)
		KS	PS	ATS	*K3		
L1 - Naib Canselor (NC)	Jam sebenar	0	0	0	27	27	
L2- Timbalan Naib Canselor (TNC)	Jam sebenar	0	0	0	27	27	
L3 & L4- Penolong Naib Canselor (PNC)/ Dekan/ Rektor/ Pengarah Bahagian/ Pengarah Pusat Kecemerlangan (Lantikan Naib Canselor)	Jam sebenar	2	1	3	24	27	
L5 - Timb. Dekan/ Timbalan Rektor/ Timbalan Pengarah/ Penolong Rektor/ Pengetua Kolej (Lantikan Naib Canselor)	Jam sebenar	4	2	6	21	27	
L6 - Ketua Pusat Pengajian/ Ketua Unit/ ketua Bahagian (Lantikan Timbalan Naib Canselor)	Jam sebenar	6	3	9	18	27	
L7 - Koordinator Fakulti/ Koordinator Unit, Koordinator Institusi (ILQAM, INQKA, CMIWS, IJS, IOS, ARI, MITRANS dsb) (Lantikan Dekan/ Rektor/ Pengarah)	Jam sebenar	8	4	12	15	27	

**tidak termasuk K3 untuk Jawatankuasa dan tugas membantu pentadbir akademik.*

3. Penyelarasan Komponen dan Pembahagian Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) dalam ATP

Terdapat kepelbagaian aktiviti di dalam komponen KJS, terutamanya di dalam kategori K2 (penyelidikan dan kesarjanaan) dan K3 (perkhidmatan). Ketiadaan penyeragaman skala pengiraan menyebabkan pengiraan ATP menjadi tidak terkawal, sehingga memberikan jumlah pengiraan ATP yang malampau kemunsabahan. Contoh: melebihi 100 jam seminggu (20 jam sehari). Penyelarasan ke atas penetapan KJS di dalam ATP adalah seperti berikut:

3.1 Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) bagi tugas-tugas penyeliaan (K1)

Penyelarasan kesetaraan jam penyeliaan termasuk penyeliaan tesis, projek tahun akhir, disertasi, latihan industri/ Latihan Amali/ Praktikum (tidak termasuk klinikal) adalah seperti di **Jadual L2**.

Jadual L2 Kesetaraan Jam Syarahan (KJS), bagi tugas-tugas penyeliaan (K1) untuk setiap pelajar – Semua Trek

Aktiviti	Pek. Akademik Bil. 20/2011		Penyelarasan	
	Penyelia Utama	Penyelia Bersama	Penyelia Utama	Penyelia Bersama
PhD/ Sarjana (Penyelidikan)	2	1	2	1
PhD (Kerja Kursus)	2	1	2	1
Sarjana(Kerja Kursus)	2	1	1	0
Sarjana Muda/ Diploma (Projek Tahun Akhir)	2	1	1	0
Latihan Industri/ Latihan Amali/ Praktikum yang memerlukan penyeliaan berterusan di sepanjang semester	Jumlah jam sebenar per aktiviti		1	
Had maksimum untuk pengiraan kesetaraan aktiviti-aktiviti K1.	Tiada		8 -12 (VK)	

3.2 Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan, perundingan penulisan dan penilaian (K2)

3.2.1 Kesetaraan Jam Syarahan KJS bagi tugas-tugas penyelidikan dan perundingan

Jadual L3. Kesetaraan Jam Syarahan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan perundingan dalam bentuk penyelidikan (K2) (termasuk karya seni) – Semua Trek

Aktiviti	Pek. Akademik Bil. 20/2011		Penyelarasan	
	Ketua	Ahli	Ketua	Ahli
Setiap Penyelidikan dengan geran tanpa mengira nilai geran.	Jam sebenar	Jam sebenar	3	2
Setiap Penyelidikan tanpa geran tetapi berdaftar dengan RMI.	Jam sebenar	Jam sebenar	2	1
Setiap Penyelidikan rasmi (dengan lantikan) tidak berdaftar dengan RMI.	Jam sebenar	Jam sebenar	2	1

3.2.2 Kesetaraan Jam Syarahan KJS bagi aktiviti penulisan.

Jadual L4. Kesetaraan Jam Syarahan bagi aktiviti penulisan (K2) – Semua Trek

Aktiviti *	Pek. Akademik Bil. 20/2011	Penyelarasan
Artikel Jurnal (berwasit) .	Jam sebenar	4
Buku/ e-content (jangkamas maksimum setahun diberikan) dengan surat daripada penerbit .	Jam sebenar	4
Penulisan-penulisan lain seperti : <ul style="list-style-type: none"> • Bab dalam buku (jangkamas maksimum setahun diberikan) • Artikel dalam prosiding (jangkamas 6 bulan diberikan) • Mengedit buku yang sedia ada (dengan surat daripada penerbit) • Manual berorientasikan penyelidikan (berwasit/ISBN) • Buku kerja/siri rujukan yang diterbitkan (ISBN) • Penulisan untuk terbitan umum (majalah, surat khabar dsb) 	Jam sebenar	2

*Bukti penghantaran penulisan kepada penerbit diperlukan. Tidak termasuk aktiviti yang berbayar

3.2.3 Kesetaraan Jam KJS bagi Penilaian Akademik (K2).

Jadual L5. Kesetaraan Jam Syarahan bagi aktiviti penilaian viva thesis/ projek akhir pelajar dan penilai kertas kerja jurnal/ konferensi (K2) – Semua Trek

Aktiviti	Pek. Akademik Bil. 20/2011	Penyelarasan
Penilai Viva PhD/ sarjana setiap pelajar	Jam sebenar per aktiviti	1.0
Panel penilai projek sarjana muda / diploma setiap pelajar	Jam sebenar per aktiviti	0.5
Lawatan dan penilaian Latihan Industri/ Latihan Amali/ Praktikum setiap pelajar	Jumlah jam sebenar per aktiviti	0.5
Penilai Artikel jurnal/ prosiding	Jam sebenar per aktiviti	0.25

3.2.4 Kesetaraan Jam KJS bagi aktiviti latihan sebagai penceramah/ fasilitator (K2).

Jadual L6. Kesetaraan Jam Syarahan aktiviti perundingan dalam bentuk latihan/ bengkel (K2), *tidak termasuk yang berbayar – Semua Trek

Aktiviti	Pek. Akademik Bil. 20/2011	Penyelarasan	
		Penceramah	Fasilitator
Program untuk setiap satu hari (8 jam)*	Jam sebenar per aktiviti	0.5	0.5
Program untuk setengah hari (<4 jam)*	Jam sebenar per aktiviti	0.5	0.25

*tidak termasuk aktiviti yang berbayar

3.2.5 Kesetaraan Kesetaraan Jam Syarahan aktiviti inovasi dan pengkomersilan (K2)

Jadual L7. Kesetaraan Jam Syarahan dalam rekod aktiviti inovasi dan pengkomersilan (K2) - Semua Trek.

Aktiviti	Pekeliling Akademik Bil. 20/2011		Penyelarasan	
	Ketua	Ahli	Ketua	Ahli

Inovasi / IP / KIK menyertai pertandingan (setiap projek)	Jam sebenar	Jam sebenar	1	0.5
Pengkomersilan (setiap item)	Jam sebenar	Jam sebenar	1	0.5

3.3 Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) Bagi Aktiviti-Aktiviti Perkhidmatan (K3)

3.3.1 Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) bagi jawatankuasa (K3)

Jadual L8. Kesetaraan Jam Syarahan bagi aktiviti dalam jawatankuasa (K3), (jam seminggu) – untuk semua trek.

Peringkat Aktiviti	Pek. Akademik Bil. 20/2011	Penyelarasan	
		Pengerusi	Ahli
Universiti/ Kampus/ Fakulti / Bahagian	Jam sebenar	3	2
Luar (Profesional/ bukan profesional)	Jam sebenar	2	1
Jawatankuasa kecil/ Program	Jam sebenar	2	1

3.3.2 Kesetaraan Jam Syarahan (KJS) bagi tugas-tugas membantu pentadbir akademik (K3)

Jadual L9. Kesetaraan Jam Syarahan bagi tugas-tugas membantu pentadbir akademik (K3) - Semua Trek

Aktiviti	Pek. Akademik Bil. 20/2011	Penyelarasan
Pengerusi Program (Anchor Campus)	Jam sebenar	4
Penyelaras / Wakil Fakulti	Jam sebenar	3
Pensyarah Sumber (Resource Persons) setiap kod kursus	Jam sebenar	2
Penasihat Akademik	1	1
Residen Staf	Jam sebenar	2

4. Had Maksimum ATP yang Munasabah

4.1 Had Maksimum ATP bagi Trek Pengajaran dan Pembelajaran

Jadual L10. ATP maksimum untuk Trek Pengajaran & Pembelajaran

Aktiviti	Pekeliling Akademik Bil. 20/2011	Penyelarasan					
		DM27/26/32 /36	DM41	DM45/46	DM51/52	DM53/54	VK
ATS	Tiada	36	32	27	23	20	16
KJS	Tiada	14	18	23	27	30	34
• K1	Tiada	0	2	5	8	10	12
• K2	Tiada	5	7	9	10	11	13
• K3	Tiada	9	9	9	9	9	9
Jumlah	-	50	50	50	50	50	50
ATP Maksimum Sehari	Tiada	10	10	10	10	10	10

4.2 Had Maksimum ATP bagi Trek Kepimpinan Akademik

Pembahagian ATP maksimum Trek Kepimpinan Akademik

- ATS + (K3 pentadbir) = 27 jam
- KJS (tidak termasuk K3 pentadbiran) = 23 jam
 - K1 = 8 jam
 - K2 = 8 jam
 - K3 (Jawatankuasa dan pembantu pentadbiran akademik) = 7 jam

Jadual L11. ATP maksimum Trek Kepimpinan Akademik.

Aktiviti	Pekeliling Akademik Bil. 20/2011	Penyelarasan
ATS + (K3 Pentadbir)	Tiada	27
KJS (tidak termasuk K3 pentadbiran)	Tiada	23

Aktiviti	Pekeliling Akademik Bil. 20/2011	Penyelarasan
• K1	Tiada	8
• K2	Tiada	8
• K3 (jawatankuasa)	Tiada	7
Jumlah	Tiada	50
ATP Maksimum Sehari	Tiada	10

4.3 Had Maksimum ATP bagi Trek Penyelidikan

Pembahagian ATP maksimum Trek Penyelidikan:

- ATS = 12 jam
- KJS = 38 jam
 - K1 = 8 jam
 - K2 = 23 jam
 - K3 = 7 jam

Jadual L12. ATP maksimum untuk Trek Penyelidikan.

Aktiviti	Pekeliling Akademik Bil. 20/2011	Penyelarasan
ATS	Tiada	12
KJS	Tiada	38
• K1	Tiada	8
• K2	Tiada	23
• K3	Tiada	7
Jumlah	Tiada	50
ATP Maksimum Sehari	Tiada	10